

D.R. 32/93

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Perihal Dagangan  
1972.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG  
oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang  
di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan  
Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam  
Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 1993 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.  
Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Akta Perihal Dagangan 1972, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan "penunjokan" dan "penunjukan" di mana jua terdapat dengan perkataan "petunjuk".  
Pindaan am. Akta 87.
3. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda—  
Pindaan seksyen 2.
  - (a) dengan memasukkan selepas takrif "kapal" takrif yang berikut:

"logam berharga" ertinya emas, perak atau platinum dalam bentuk tulen atau aloi emas, perak atau platinum;"; dan
  - (b) dengan menggantikan noktah pada penghujung takrif "premis" dengan koma bertitik dan

memasukkan, selepas takrif itu, takrif yang berikut:

' "standard ketulenan", berhubung dengan artikel yang dibuat daripada logam berharga, ertinya bilangan bahagian mengikut berat emas, perak atau platinum tulen dalam seribu bahagian mengikut berat logam berharga;.

Pindaan  
seksyen 4.

4. Subseksyen 4(1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (*e*) dengan perenggan yang berikut;

"(*e*) standard ketulenan artikel-artikel yang dibuat daripada logam berharga;".

Seksyen  
baru 21 A.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21 seksyen yang berikut:

“

Pengkom-  
paunan  
kesalahan.

21A. (1) Pengawal atau Timbalan Pengawal boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis, kepada orang yang disyaki dengan munasabahnya telah melakukan kesalahan itu, untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Pengawal atau Timbalan Pengawal apa-apa jumlah wang dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah seksyen kecil (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang ditentukan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pengawal atau Timbalan Pengawal, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah seksyen kecil (1), tiada pendakwaan boleh selepas itu dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaunkan kesalahan itu dibuat dan jika apa-apa barang atau dokumen telah diambil milik di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya barang-barang atau dokumen itu boleh dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan.

(4) Kuasa untuk mengkompaun kesalahan di bawah seksyen kecil (1) hendaklah dijalankan oleh Pengawal atau Timbalan Pengawal sendiri."

6. Seksyen 38A Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 38A.

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

"(ba) menetapkan fee yang dikehendaki dikenakan berkenaan dengan penggunaan apa-apa perbahasaannya atau petunjuk yang digunakan dalam perjalanan sesuatu perdagangan atau perniagaan berhubungan dengan harga barang-barang atau bayaran atau kadar bagi perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan;"

(b) dengan menggantikan noktah di penghujung perenggan (d) dengan koma bertitik; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:

"(e) menetapkan standard ketulenan artikel-artikel yang dibuat daripada logam berharga dan mengawalselia atau mengawal penggunaan apa-apa perbahasaannya atau petunjuk yang digunakan dalam perjalanan sesuatu perdagangan atau perniagaan berhubungan dengan standard ketulenan sedemikian;

- (f) menetapkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya yang boleh dikompaun, amau kompaun itu dan prosedur yang hendak diikuti dalam mengkompaunkan kesalahan-kesalahan."

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Perihal Dagangan 1972 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda perkataan "penunjokan" dan "penunjukan" di mana jua terdapat dalam teks bahasa kebangsaan Akta supaya betul dan teratur dari segi tatabahasa.
3. *Fasal 3* bertujuan memasukkan takrif baru yang tertentu ke dalam seksyen 2 Akta.
4. *Fasal 4* bertujuan meminda perenggan 4(1)(e) Akta untuk menggantikan perkataan "darjah kehalusan" dengan perkataan "standard ketulenan" supaya konsisten dengan istilah yang biasa digunakan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan berkenaan dengan artikel-artikel yang dibuat daripada logam berharga.
5. *Fasal 5* bertujuan memasukkan seksyen baru 21A yang memberi Pengawal dan Timbalan Pengawal kuasa untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan tertentu di bawah Akta dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.
6. *Fasal 6* bertujuan memasukkan perenggan baru (ba), (e) dan (f) ke dalam seksyen 38A Akta. Perenggan (ba) bertujuan memberi Menteri kuasa untuk mengenakan fee ke atas penggunaan apa-apa perbahaasan atau petunjuk yang digunakan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan berhubungan dengan harga barang-barang atau bayaran atau kadar bagi perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan, sementara perenggan (e) dan (f) masing-masingnya bertujuan membenarkan Menteri menetapkan standard ketulenan artikel-artikel yang dibuat daripada logam berharga dan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1777.]